



Headline	Pusat GiatMARA diminta perluas jaringan		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	05 Jul 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N4	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,105
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,316



Pusat GiatMARA diminta perluas jaringan

Pasir Gudang: Pusat GiatMARA diminta memperluaskan lagi jaringan hubungan dengan industri, bagi memudahkan lagi lepasan institusi kemahiran itu mendapat tempat dalam pekerjaan selepas tamat kursus.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata masa sama, pelabur dan pemaju pembangunan di negeri ini perlu memberi keutamaan kepada penduduk tempatan yang mempunyai kelayakan dan kemahiran untuk berkhidmat di syarikat mereka.

"Kita mahu limpahan pembangunan dapat dinikmati secara langsung oleh anak Johor menerusi peluang pekerjaan yang diperoleh daripada semasa ke semasa.

"Selain itu pelatih GiatMARA hendaklah mengasah kemahiran masing-masing dengan sepenuh hati dan sentiasa mengambil tahu mengenai hal ehwal pasaran kerjaya serta peluang perniagaan yang ada.

"Saya yakin pelatih GiatMARA daripada golongan yang berbakat dan berkualiti untuk dilatih menceburi bidang kemahiran. Hanya dengan berkat usaha yang berterusan akan dapat menjamin kejayaan," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Graduasi Berkelompok GiatMARA Negeri Johor, dekat sini. Teks ucapan beliau dibacakan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan.

Pada majlis itu, 672 pelatih daripada 26 pusat GiatMARA-seluruh negeri menerima sijil masing-masing selepas menamatkan pengajian selama enam bulan.

Institusi latihan kemahiran

Khaled berkata, GiatMARA adalah antara institusi latihan kemahiran yang ditubuhkan dibawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) berperanan menyediakan platform kepada lepasan sekolah untuk mengasah kemahiran vokasional bagi meneruskan kerjaya mereka, sekali gus memastikan mereka dapat mengambil bahagian menyumbang kepada pembangunan negara.

Katanya, sejak ditubuhkan 26 tahun lalu, institusi kemahiran itu melahirkan 300,000 pelatih di seluruh negeri dan ia adalah pencapaian baik dalam usaha memastikan belia mendapat kemahiran.

"Menerusi institusi ini, kita bukan saja dapat mewujudkan tenaga kerja yang mahir, bahkan kita juga mampu melahirkan usahawan berjaya atau yang menyumbang kepada pembangunan negara.



Zulkurnain menyampaikan sijil pada Majlis Graduasi Bersepadu GiatMARA Negeri Johor Sesi 1/2013 di Dewan Utama Universiti Kuala Lumpur, Bandar Seri Alam. [FOTO NUR AISYAH MAZALAN/BH]